

# PENGARUH BAHASA IBUNDA (BAHASA TAMIL) DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

**Mahendran Maniam**

*mahendran.maniam@yahoo.com*

**En. Karthehes Ponniah**

*karthehes@fbk.upsi.edu.my*

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900  
Tanjong MalimPerak, Malaysia*

## **Abstrak**

Isu gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa kedua sentiasa menjadi satu fenomena yang tidak dapat dielakkan. Penguasaan bahasa kedua mempunyai persamaan dan perbezaan dengan bahasa ibunda. Ramai ahli pendidik bahasa percaya penguasaan bahasa kedua Bahasa Malaysia, (dalam konteks kajian ini) banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda (Bahasa Tamil, dalam konteks kajian ini). Juga dipercayai bahawa peranan bahasa ibunda adalah negatif, yakni ia mengganggu penguasaan bahasa kedua, di mana ciri-ciri bahasa ibunda dipindahkan ke dalam pembelajaran bahasa kedua (Bolton dan Kachru, 2006). Gangguan seperti ini berlaku dalam beberapa konteks tertentu sahaja, dan bukan di dalam semua konteks. Kajian ini mendapati terdapat beberapa pengaruh bahasa ibunda di kalangan pelajar sekolah Tamil, terutamanya dalam domain sintaks dan perbendaharaan kata. Pengaruh ini diklasifikasi sebagai pengaruh negatif, yakni penguasaan bahasa ibunda mengganggu dalam pembelajaran bahasa kedua. Penguasaan perbendaharaan kata yang lemah telah dikenal pasti sebagai salah satu sebab mengapa kanak-kanak di darjah 5 dalam kajian ini tidak dapat menguasai Bahasa Malaysia tanpa gangguan bahasa ibunda. Maka, banyak aktiviti yang dapat meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata harus diadakan dalam kelas Bahasa Malaysia.

**Kata kunci:** bahasa Tamil, proses pembelajaran, bahasa Melayu

## **Abstract**

*The issue of mother tongue interference in second language learning is always a phenomenon that can not be circumvented. Mastery of a second language and has similarities with the mastery of a mother tongue. Educational practitioners believe that the acquisition Malay (Bahasa Melayu) as the second language (in the context of this study) is heavily influenced by the mother tongue (Tamil, in the context of this study). It is also believed that the mother tongue plays a negative role, namely, it interferes with the mastery of a second language. In this case, the characteristics of the mother tongue are transferred into those of the second language (Bolton and Kachru, 2006). Disorders such as these only apply in some specific contexts, and not in all contexts. This study found there are several mother tongue influences facing the Tamil school students, especially in syntax and vocabulary. This influence is negative as it disrupts the acquisition of the second language. Poor vocabulary acquisition is a reason why a child in this study can not master the Malay without the mother tongue interference. Thus, various activities which can improve the vocabulary mastery should be held in Malay language classes.*

**Keywords:** Tamil language, learning process, Malay language

## **Pendahuluan**

Bahasa-bahasa yang digunakan oleh manusia mempunyai banyak persamaan yang membenarkan kita mengabungkan dari satu bahasa ke bahasa lain tanpa banyak masalah. Namun, terdapat juga perbezaan di antara bahasa yang kadangkala menyusahkan pembelajaran. Penguasaan bahasa kedua mempunyai persamaan dan perbezaan dengan bahasa ibunda. Ramai ahli pendidik bahasa percaya penguasaan bahasa kedua Bahasa Malaysia, dalam konteks kajian ini) banyak dipengaruhi oleh bahasa ibunda (Bahasa Tamil, dalam konteks kajian ini). Juga dipercayai bahawa peranan bahasa ibunda adalah negatif, yakni ia mengganggu penguasaan bahasa kedua, di mana ciri-ciri bahasa ibunda dipindahkan ke dalam pembelajaran bahasa kedua. (Bolton dan Kachru, 2006). Gangguan seperti ini berlaku dalam beberapa konteks dan bukannya dalam semua konteks.

Bahasa Malaysia merupakan bahasa rasmi Negara Malaysia. Hal ini jelas dinyatakan dalam Fasal 152, Perlembagaan Malaysia. Masalah penggunaan bahasa Malaysia yang tepat tidak di sekolah-sekolah Tamil masih begitu ketara di kalangan pelajar. Walaupun banyak usaha telah dilakukan untuk memperbaiki dan memperkasa Bahasa Kebangsaan di kalangan pelajar India, terutamanya di sekolah Tamil. Salah satu sebab penguasaan bahasa Malaysia masih mundur di kalangan pelajar India ialah kerana gangguan bahasa ibunda, yakni bahasa Tamil.

Banyak kajian sebelum ini membuktikan pelajar-pelajar sekolah Tamil dipengaruhi oleh bahasa Tamil dalam pembelajaran bahasa Malaysia. Beberapa model kajian Pemerolehan Bahasa Kedua (Second Language Acquisition) juga menerangkan perkaitan di antara persamaan dan perbezaan L1 (Bahasa Ibunda) dan L2 (Bahasa kedua) dalam pembelajaran. Perkaitan ini telah dikaji oleh pakar-pakar bahasa seperti Krashen 1981; White, 1989; Gass & Selinker, 1994.

Kajian mereka juga memberi bukti bahawa ciri-ciri linguistik dalam bahasa ibunda selalunya mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua. Kajian ini mengemukakan dua objektif seperti yang ternyata di bawah yaitu:

1. mengenalpasti pengaruh bahasa ibunda yang terdapat dalam penulisan karangan Bahasa Malaysia pelajar Tahun 5 di Sekolah Tamil Serdang.
2. mengenal pasti unsur-unsur linguistik bahasa ibunda yang mempengaruhi penulisan Bahasa Malaysia murid-murid.

Keputusan kajian ini dijangka dapat membantu guru-guru yang mengajar subjek bahasa Malaysia di sekolah Tamil memahami dengan lebih mendalam tentang gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran Bahasa Malaysia dan dapat mengadakan aktiviti-aktiviti pengukuhan yang boleh membantu pelajar mengatasi masalah ini. Kajian ini juga dapat membantu Bahagian Perkembangan Kurikulum merangka sukatan pelajaran yang dapat menangani masalah ini.

### **1. Sekolah Tamil di Malaysia**

Menurut Pertubuhan Strategik Sosial, sebuah *network* pembangunan sosial untuk kaum India di Malaysia, kelas Tamil yang pertama di Malaysia telah diadakan sebagai sebuah cawangan di Penang *Free School* pada tahun 1816. Pada tahun 1850, sebuah sekolah dwibahasa, bahasa Tamil dan bahasa Inggris telah ditubuhkan di Melaka. Mulai tahun 1870, sekolah-sekolah Tamil kecil mula ditubuhkan di estet-estet di Pulau Pinang, Melaka dan Johor.

Pada tahun 1923, Undang-undang Buruh telah diluluskan di Persekutuan Tanah Melayu. Perkembangan ini telah memaksa semua estet menubuhkan sekolah untuk anak-anak pekerja estet. Penubuhan sekolah Tamil ini juga telah membantu tuan punya estet yang mempunyai mendapat pekerja dari India dengan kadar yang lebih konsisten. Pekerja-pekerja yang datang juga menjadi lebih yakin dan ramai yang membuat keputusan untuk terus bermastautin di sini.

Bermula dari sini, pihak pentadbir estet dan Kerajaan Britain telah membuka lebih banyak sekolah rendah Tamil. Maka, pada tahun 1905 terdapat 13 sekolah Tamil Kerajaan dan Tamil Kristian di Malaya. Pihak kerajaan Britain juga telah mengatur agenda tersirat mereka, iaitu memastikan anak-anak pekerja estet terus menyambung tradisi ibu bapa mereka selepas tamat zaman persekolahan mereka. Dengan pertubuhan sekolah-sekolah Tamil lebih ramai pekerja telah berhijrah ke Malaya, terutamanya pekerja dari India Selatan. Malangnya, kualiti pendidikan dan pendidik bahasa Tamil tidak dipedulikan. Anak-anak pekerja ladang juga berpuas hati dengan pembelajaran sekadar membaca dan menulis dalam bahasa Tamil.

## 2. Bahasa Tamil

Bahasa Tamil merupakan bahasa klasik dan salah satu bahasa utama dalam keluarga bahasa Dravidian. Bahasa Tamil dituturkan secara meluas oleh bangsa Tamil di India Selatan dan Sri Lanka. Bahasa Tamil juga dituturkan oleh komuniti kecil di negara lain. Setakat tahun 1996, bahasa ini menjadi bahasa ke-18 paling banyak dituturkan di dunia, dengan jumlah penuturnya melebihi 74 juta orang termasuk lebih kurang 2 juta penutur di Malaysia.

Terdapat 247 huruf dalam abjad bahasa Tamil yang boleh dibahagikan kepada 12 vokal, 18 konsonan, 216 vokal-konsonan dan 1 huruf khas. Huruf vokal-konsonan adalah dibentuk dengan mengabungkan huruf-huruf vokal dan konsonan. Huruf-huruf vokal dan konsonan juga mengandungi bunyi sebutan panjang dan pendek.

Bahasa Tamil ditulis dengan sistem tulisan bergelar *vatteluttu*, iaitu sejenis abugida yang tergolong dalam famili Brahmi. Skrip Tamil merangkumi 12 huruf vokal, 18 konsonan dan satu aksara khas, iaitu *āyām*. Bunyi-bunyi vokal dan konsonan saling bergabung untuk membentuk 216 gugusan aksara, menjadikannya sejumlah 247 aksara. Sepertilah skrip Indic yang lain, semua konsonan mempunyai bunyi vokal a dalaman

yang, dalam bahasa Tamil, digugurkan dengan meletak titik di atas bergelar *pulli*, pada aksara konsonan terbabit. Berbeza daripada kebanyakan skrip Indic, skrip Tamil tidak membezakan plosif bersuara dan tidak bersuara. Sebaliknya, plosif disebut dengan atau tanpa suara bergantung kepada kedudukannya dalam sesuatu perkataan, menurut hukum-hukum fonologi bahasa Tamil seperti yang dibincangkan di bawah.

Skrip Tamil berevolusi daripada satu bentuk skrip Brahmi Asoka yang dipanggil Tamil-Brahmi atau Tamili, yang berbeza daripada Asokan Brahmi pada beberapa sudut. Menjelang abad ke-9, Tamil-Brahmi berevolusi menjadi aksara-aksara yang lebih bulat bergelar *vatteluttu* (maksudnya, huruf berlingkung), maka dari inilah berevolusinya skrip moden. Pada abad ke-18, beberapa perubahan dilakukan pada skrip oleh mubaligh Itali bernama Constanzo Beschi, yang dikenali oleh orang-orang Tamil sebagai Veeramamunivar, bagi memudahkan cetakan skrip tersebut. Ini termasuk membubuh penanda vokal pada kedua-dua belah kiri dan kanan konsonan. Sekitar tahun 1935, E.V. Ramaswamy Periyar mencadangkan perubahan lagi agar lebih tahan uji dalam pencetakan. Sebilangan daripada cadangan-cadangan tersebut diterapkan oleh kerajaan M.G. Ramachandran pada tahun 1978.

Inskripsi *vatteluttu* abad ke-11, dari Kuil Brihadisvara di Thanjavur : Selain aksara-aksara piawai, enam aksara yang dipinjam dari skrip Grantha lalu digunakan dalam kawasan Tamil untuk menulis bahasa Sanskrit. Kadang-kadang keenam aksara tersebut digunakan untuk mewakili bunyi-bunyi yang tidak terdapat dalam bahasa Tamil, yaitu kata-kata pinjaman dari bahasa Sanskrit, Prakrit dan bahasa lain. Sistem tradisional bagi menulis kata pinjaman yang melibatkan menejanya semula mengikut fonologi bahasa Tamil dikekalkan.

Vokal-vokal Tamil bergelar *uyireluttu* (*uyir* – nyawa, *eluttu* – huruf). Vokal-vokal ini dikelaskan kepada vokal pendek (*kuril*)

dan panjang (*neṭil*) (lima bunyi vokal bagi setiap kelas) serta dua diftong, /ai/ dan /au/, dan tiga vokal “dipendekkan” (*kurriyal*).

Vokal panjang kira-kira dua kali ganda kepanjangan vokal pendek. Diftong pula biasanya disebut kira-kira 1.5 kali panjangnya berbanding vokal pendek, meskipun kebanyakan buku teks nahu mengelaskan mereka bersama vokal panjang.

Konsonan bahasa Tamil dikenali sebagai *meyyeḷuttu* (*mey* — badan, *eḷuttu* — huruf). Konsonan dikelaskan kepada tiga kategori, setiap satunya dengan enam fonem: *valliṇam* — keras, *melliṇam* — lembut atau nasal, dan *iṭayinam* — sederhana. Berbeza daripada bahasa-bahasa India yang lain, bahasa Tamil tidak mengandungi konsonan beraspirasi. Tambahan pula, penyuaran plosif dikawal oleh hukum-hukum ketat dalam *centamil*. Konsonan plosif tidak bersuara apabila dihasilkan pada permulaan perkataan atau digandakan. Jika di tempat lain konsonan tersebut disuarakan, dengan sebilangan kecilnya menjadi frikatif secara intervokal. Konsonan nasal dan anggaran senantiasa disuarakan.

Carta fonem konsonan bahasa Tamil dalam IPA seperti berikut. Bagi bahasa Tamil moden (petikan daripada Annamalai dan Steever 1998: 100-28), bunyi /f/ dan /s/ dijadikan pesisiran dalam fonologi bahasa Tamil, hanya dijumpai dalam kata pinjaman dan sering diganti oleh bunyi tempatan. Terdapat hukum-hukum yang dijelaskan untuk elisi dalam bahasa Tamil yang dibahagikan kepada berbagai-bagai kelas berdasarkan fonem yang melalui elisi.

Ayambahasa Tamil Klasik juga mengandungi fonem bergelar *āytam*, ditulis sebagai ‘:’. Ahli bahasa Tamil pada zaman dahulu mengelaskannya sebagai aksara khas (*cārpeluttu*), tetapi kini aksara ini amat jarang ditemui dalam bahasa Tamil moden.

Suatu kajian ekstensif telah dijalankan mengenai pengaruh bahasa ibunda terhadap bahasa yang sedang dipelajari. Dulay dan Burt (1982) mengatakan bahawa pengaruh

bahasa ibunda dapat didefinisikan sebagai pertukaran bahasa secara automatik yang disebabkan oleh kebiasaan, di mana ianya melibatkan struktur bahasa pertama terhadap bahasa yang sedang dipelajari. Lot (1983:256) mendefinisikan pengaruh bahasa pertama sebagai ‘kesilapan pelajar’ dalam menggunakan bahasa asing yang boleh dikenalpasti semula terhadap bahasa ibunda. Ellis (1997:51) mentakrifkan bahawa pengaruh bahasa ibunda adalah pertukaran bahasa di mana bahasa pertama ditonjolkan ke dalam bahasa kedua. Selain itu, beliau juga turut menyatakan bahawa, pertukaran bahasa ini berikutan persepsi pelajar mengenai sesuatu yang boleh ditukar serta peringkat perkembangan mereka dalam pembelajaran bahasa kedua.

Dalam mempelajari bahasa kedua, pelajar akan membina pengetahuan atau peraturan sementara (Selinker, 1972, Seligar, 1988 dan Ellis 1997) dengan menggunakan pengetahuan bahasa pertama mereka. Akan tetapi, ianya hanya akan berlaku apabila mereka percaya bahawa ianya membantu dalam tugas pembelajaran atau ketika mereka menjadi mahir sepenuhnya dalam pertukaran kepada bahasa kedua untuk memungkinkan perkara ini berlaku. Ellis (1997) menekankan keperluan membezakan antara kesalahan dan kesilapan. Menurut Pit Corder (1971), salah seorang perintis bidang ini, kesalahan adalah sisihan daripada penggunaan bahasa yang betul kerana pelajar masih lagi tidak mengetahui peraturan-peraturan dalam sesuatu bahasa. Perlu ditekankan di sini bahawa terdapat kriteria yang menjelaskan tentang kesilapan dan kesalahan, di mana ianya boleh dikenalpasti. Sebagaimana yang diperkatakan oleh Corder (1967, 1971) dan James (1980) bahawa ianya merupakan kriteria pembetulan sendiri. Sesuatu kesilapan boleh dibetulkan sendiri, tetapi hal yang sama tidak boleh diaplikasikan kepada kesalahan. Kesalahan adalah ‘sistematik: Contoh, ianya akan berlaku berulang kali dan tidak disedari oleh

pelajar. Justeru, hanya guru atau pengkaji yang boleh menyedarinya. Beberapa model kajian Pemerolehan Bahasa Kedua (Second Language Acquisition) juga menerangkan perhubungan di antara persamaan dan perbezaan L1 (Bahasa Ibunda) dan L2 (Bahasa kedua). Perhubungan ini telah dikaji oleh pakar-pakar bahasa seperti Krashen 1981; White, 1989; Gass & Selinker, 1994. Kajian mereka juga memberi bukti bahawa unsur-unsur linguistik dalam bahasa ibunda selalunya mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua.

Bahasa ibunda dipengaruhi oleh perbezaan *typology* antara bahasa yang terlibat serta beberapa interaksi tidak berstruktur, faktor ekstralinguistik seperti perbezaan keadaan sosial dan psikologi. (Ellis, 1997, Kilborn, 1994). Dalam erti kata lain, keadaan saling bergantung antara bahasa pertama dan bahasa kedua adalah nyata. Ini kerana proses pemerolehan bahasa pertama oleh seseorang memberikan rutin atau pengalaman, strategi dan kemahiran metakognitif kepada seseorang di mana ia boleh digunapakai kepada bahasa-bahasa berikutnya, tetapi terdapat juga had bahasa yang khusus dalam persepsi dan pemahaman bahasa kedua (McLaughlin, 1990).

Pertukaran ialah suatu istilah psikologi yang menerangkan suatu situasi pembelajaran yang mempengaruhi episod pembelajaran yang berikutnya. Pertukaran dapat dibahagikan kepada dua keadaan iaitu positif dan negatif. Ini bermakna, sekiranya episod pembelajaran yang lepas membantu dalam pembelajaran seterusnya (pemindahan positif) telah berlaku proses pembelajaran menurun pada proses pembelajaran yang berikutnya, (pemindahan negatif) terjadi. Pertukaran bahasa merujuk kepada situasi dimana proses pembelajaran kemahiran dalam sesebuah bahasa dibawa kepada bahasa kedua. Sebagai contoh belajar membaca dalam bahasa Sepanyol membantu keupayaan seseorang individu untuk membaca dalam bahasa Inggeris (Gass dan Selinker 1994).

Menerusi buku yang ditulis oleh beliau, '*Linguistics across culture*', Robert Lado menekankan bahawa 'individu cenderung untuk mengubah bentuk dan makna, serta taburan bentuk dan makna pada budaya dan bahasa ibunda mereka kepada bahasa dan budaya asing dimana ianya dipraktikkan secara produktif dan reseptif oleh golongan pribumi. Khususnya, pelajar menunjukkan ciri produktif ketika mereka mencuba untuk menuturkan bahasa dan mendalami budaya masyarakat pribumi. Manakala, dalam aspek reseptif wujud apabila pelajar mencuba untuk memperoleh dan memahami bahasa dan budaya *the natives* (1957:2).

Dalam artikel beliau, 'Fungsi bahasa ibunda terhadap pertukaran bahasa dalam pembelajaran bahasa', Profesor Corder (1981) mengkaji semula fenomena yang mempersoalkan istilah pertukaran itu sendiri. Beliau berpendapat bahawa pengaruh bahasa ibunda adalah istilah yang neutral dan meluas untuk merujuk kepada sesuatu yang pada kebiasaannya dikenali sebagai pertukaran. Corder juga mengatakan bahawa kebanyakan kajian berkenaan kesalahan dilakukan ke atas prestasi pelajar dalam situasi formal dimana kesalahan dirujuk kepada ahli bahasa gunaan. Disebabkan itu, bidang kajian perbandingan telah timbul. Beliau juga menyatakan bahawa, selagi pemerolehan pengetahuan sintaktik diberi perhatian, proses interferen tidak akan berlaku. Hal ini demikian kerana, pada dasarnya, bahasa ibunda mengurangkan, menghalang, atau menjadikan proses pemerolehan beberapa ciri-ciri dalam bahasa yang sedang dipelajari semakin sukar. Pada masa kini istilah interferen seringkali digunakan untuk mendefinisikan ciri-ciri bahasa ibunda terhadap prestasi pelajar yang tidak menepati peraturan bagi bahasa yang sedang dipelajari. Walaubagaimanapun, Corder memfokuskan kepada proses peralihan atau pertukaran bahasa berbanding fungsi persekitaran. Selain itu, beliau juga menekankan bahawa bahasa ibunda membantu pemerolehan bahasa

kedua. Secara khususnya, beliau merujuk kepada 'fenomena prestasi- pinjaman'. Apabila pelajar yang mempelajari bahasa kedua berada dalam keadaan tertekan, pelajar berkenaan akan cenderung untuk 'meminjam' atau menggantikan perkataan- perkataan dari bahasa ibunda (m.s 26). Beliau juga turut menambah bahawa, peminjaman berlaku kerana objektif awal pelajar adalah untuk proses komunikasi, berbanding untuk mematuhi peraturan tatabahasa bagi bahasa berkenaan.

Ia adalah benar kerana semasa saya mengikuti kursus kesusasteraan perancis di kolej, selepas empat tahun pengajian di sekolah tinggi perancis, saya mampu untuk membaca dengan agak baik tetapi saya masih lagi tidak boleh bertutur dengan sempurna. Semasa berada di dalam kelas, professor yang mengajar mengkehendaki kami untuk menggunakan Bahasa Perancis untuk berbincang mengenai tugas pembacaan bagi hari berkenaan. Secara yakin, saya memulakannya dengan 'Je Connais...' tetapi, dalam sekelip mata, saya akan beralih kepada bahasa Inggeris. Saya memutuskan untuk tidak meminjam bahasa. Golongan yang mempraktikkan peminjaman bahasa menggunakan perkataan dan struktur bahasa ibunda mereka untuk membantu mereka dalam membangunkan pengetahuan bagi bahasa kedua (Corder, 26). Walaubagaimanapun, tujuan utama bagi kedua-dua kes adalah untuk berada dalam keadaan difahami.

Artikel Corder sangat membantu guru-guru bahasa Inggeris. Oleh sebab kursus tatabahasa dibentuk untuk menjadi kumulatif dengan merujuk kepada istilah dari Corder, kursus-kursus seperti ini mempunyai jangkaan atau objektif yang padu supaya pelajar dapat mempelajari sesuatu konsep dan kemudian meneruskan semula proses pembelajaran pada kebiasaannya. Ia agak mengilirukan apabila pelajar, yaitu golongan peribumi atau bukan peribumi melakukan kesalahan secara berterusan dalam sesi awal proses pembelajaran. Kefahaman dalaman

dalam aspek bahasa adalah tidak sistematik sepenuhnya jika dibandingkan dengan buku kerja tatabahasa yang dipercayai oleh para guru.

Selain itu, Corder juga menjelaskan bahawa pertukaran atau peralihan bahasa bukanlah suatu persamaan. Hal ini demikian kerana, pada kebiasaannya, bahasa pertama tidak mempunyai struktur, bentuk dan konsep yang boleh dibawa ke dalam bahasa kedua. Penggunaan huruf besar dalam bahasa Inggeris tidak bersamaan dengan Penggunaannya dalam bahasa Arab. Malahan, pembelajaran sesuatu bahasa tidak bererti mewujudkan peraturan atau ciri-ciri bahasa yang baru terhadap bahasa ibunda. Bahasa yang baharu mempunyai identitinya yang tersendiri. Sebagai contoh, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris mempunyai banyak perbezaan. Perbezaannya adalah sangat besar dan mendalam, dan bukan hanya sedikit. Secara khususnya, bahasa Arab tidak mempunyai 'modal verbs' seperti (*can, could, may, might, will, would*) dan tiada penggunaan tatabahasa 'to be' dalam 'present tense' (am, is, are) (Swan & Smith, 2001, pp. 201, 203-204). Pelajar Sudan cenderung untuk menulis, '[T]he demon didn't like my mother because she Christian.' Pelajar yang sama juga menggabungkan penggunaan modal verb dengan kata nama: 'getting marriage' and 'could get marriage'. Pelajar yang lain juga melakukan kesalahan yang sama iaitu '[I]t had never been snow'. Terdapat beberapa kontroversi yang timbul tentang sejauh mana interferen (peralihan negatif) mempengaruhi kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh seseorang yang sedang mempelajari bahasa yang baharu. Beberapa pengkaji menyatakan bahawa, kebanyakan kesilapan yang dilakukan adalah konsisten terhadap pembangunan sistem peraturan bahasa pelajar yang dapat ditakrifkan sebagai bahasa perantaraan di antara bahasa pertama dan bahasa kedua serta ia juga disebabkan oleh kesilapan interferen bagi bahasa yang sedang dipelajari.

## **Metode**

Kaedah kajian ini berbentuk deskriptif dari jenis kajian kes. Penulisan karangan bahasa Malaysia seramai 30 pelajar Tahun 5, Sekolah Tamil Serdang dianalisis untuk mencari jenis-jenis pengaruh bahasa Tamil yang terdapat dalam karangan pelajar Tahun lima. Jenis pengaruh tersebut diagihkan mengikut kumpulan unsur linguistik dan unsur-unsur ini dibandingkan dengan bahasa Tamil dan diterangkan sebab-sebab berlakunya pengaruh tersebut.

Kajian ini dibataskan pada pengaruh bahasa Ibunda di kalangan pelajar Tahun lima sekolah Tamil Serdang sahaja. Maka, simpulan dan dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan di peringkat lebih tinggi. Jangka masa kajian juga tidak mencukupi atas sebab-sebab kesuntukan masa kursus. Kajian mungkin akan memberi dapatan yang lebih komprehensif jika data dapat dikutip daripada lebih ramai pelajar.

## **Hasil dan Pembahasan**

### **1. Pengaruh sintaks bahasa ibunda dalam penulisan Bahasa Malaysia**

Pengkaji mendapati banyak struktur ayat bahasa Malaysia yang dibina oleh pelajar sekolah Tamil dipengaruhi oleh struktur ayat bahasa Tamil.

Contoh-contoh ayat yang dipetik dari penulisan karangan pelajar:

Murugan (subjek) bola (objek) sepak (kata kerja).

Kabilan (S) roti (O) makan (KK) di kantin.

Pelajar (S) padang (O) pergi (KK).

Cikgu (O) kerja rumah (O) semak (KK).

Contoh di atas jelas menunjukkan bahawa penulisan bahasa Malaysia pelajar sekolah Tamil dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Ini adalah kerana sintaks Bahasa Tamil menggunakan struktur/susunan ayat Subjek- Objek- Kata Kerja (SOKK), manakala sintaks ayat bahasa Malaysia pula menggunakan struktur/susunan Subjek-

Kata Kerja-Objek (SKKO). Apabila pelajar sekolah Tamil membina ayat, mereka suka menterjemah perkataan seperti yang wujud dalam bahasa ibunda mereka. Oleh sebab itu, sampel dalam kajian ini menulis ayat mengikut struktur ayat bahasa ibunda. Fenomena ini juga disokong oleh literatur kajian.

### **2. Pengaruh Penggunaan Huruf besar**

Dalam sistem penulisan bahasa Tamil tidak wujud penggunaan huruf besar, maka sistem ini didapati banyak mempengaruhi penulisan bahasa Malaysia murid-murid di sekolah Tamil Serdang, kerana didapati daripada penulisan yang dianalisis hampir 20 ayat dimulakan dengan huruf kecil. Fenomena ini jelas sehaluan dengan literatur yang telah dibincangkan di atas.

Contoh-contoh ayat yang dipetik dari penulisan bahasa Malaysia sampel juga didapati banyak tidak memulakan ayat dengan huruf besar.

Contoh:

dia suka makan di kantin sekolah.

cikgu saya sangat rajin.

rama-rama itu cantik.

bapa membeli kuih-muih.

### **3. Kegagalan Penggandaan Konsonan**

Analisis kajian juga membuktikan bahawa subjek kajian gagal menggandakan konsonan di tempat-tempat yang diperlukan dalam penulisan Bahasa Malaysia. Ada juga latihan yang disalin dari papan hitam mempunyai kesalahan seperti ini. Ini adalah kerana dalam sistem ejaan Bahasa Tamil, jarang terdapat penggandaan huruf yang sama dalam satu perkataan.

Contoh-contoh perkataan yang dipetik dari karangan subjek ialah:

1) mengunakanya

2) membengkokan

3) gangu

4) persaman

5) menganti

## **Kesimpulan dan Saran**

Data yang diperolehi dalam sesuatu kajian, walaupun kecil, jika dianalisis dengan terperinci dapat memberikan interpretasi yang jitu dan produktif. Dapatan kajian jelas membuktikan bahawa terdapat pengaruh sintaks dalam pembelajaran dan penulisan bahasa ibunda oleh murid-murid di Sekolah Tamil Serdang.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa pengaruh bahasa ibunda di kalangan pelajar sekolah Tamil, terutamanya dalam domain sintaks dan perbendaharaan kata. Pengaruh ini diklasifikasi sebagai pengaruh negatif, yakni penguasaan bahasa ibunda mengganggu dalam pembelajaran bahasa kedua.

Pada kebiasaannya, pelajar-pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa membuat kesalahan-kesalahan dalam bidang sintaks dan sebutan. Contoh yang paling ketara dalam kajian ini ialah memindahkan bentuk struktur ayat (SOKK) dalam pembelajaran bahasa Melayu. Fenomena ini dikenali sebagai “gangguan bahasa”. Walaubagaimana pun, gangguan ini adalah lebih ketara pada awal pembelajaran bahasa kedua. Fenomena ini makin berkurangan apabila pelajar memasuki tahap yang lebih serius.

Guru-guru sekolah Tamil juga berpendapat bahasa Melayu atau mana-mana bahasa lain seharusnya diperkenalkan kepada pelajar-pelajar sekolah Tamil selepas pelajar-pelajar ini menguasai bahasa Tamil. Walaubagaimana pun, Akinbote dan Ogunsanwo (2003) berpendapat bahawa penggunaan bahasa ibunda dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada peringkat awal kanak-kanak dapat membantu kanak-kanak itu menguasai bahasa kedua yang dipelajari dengan lebih mudah.

Penguasaan perbendaharaan kata yang lemah telah dikenal pasti sebagai salah satu sebab mengapa kanak-kanak di darjah 5 dalam kajian ini tidak dapat menguasai Bahasa Malaysia tanpa gangguan Bahasa Ibunda. Maka, banyak aktiviti yang dapat

meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata harus diadakan dalam kelas bahasa Malaysia.

Fenomena percampuran kod bahasa Melayu-Tamil di dalam bilik darjah boleh dikurangkan. Langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan perbincangan antara murid-murid dalam bahasa Melayu yang betul. Untuk menghidupkan suasana perbincangan maka konsep pertandingan antara kumpulan boleh dijalankan. Guru boleh memberi ganjaran dalam bentuk pujian, buku atau seumpamanya kepada kumpulan yang menggunakan kurang percampuran kod. Cara ini dapat menggalakkan murid-murid berbincang dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul tanpa percampuran kod. Bagi mengatasi masalah murid yang tidak mempunyai cukup kosa kata bahasa Melayu, penyelidik mencadangkan strategi pembelajaran mencari makna kata berdasarkan kamus dan konteks klu. Strategi jenis ini sesuai untuk memantapkan kosa bahasa Malaysia murid-murid India. Dalam pengajarannya, guru hendaklah tidak menekankan aturan-aturan tatabahasa terlebih dahulu. Penekanan patut ditumpukan kepada struktur ayat yang menerbitkan makna, iaitu dengan melihat makna kata dalam konteks ayat. Guru juga harus mengajar murid-murid untuk memahami makna kata dalam konteks budaya, tajuk dan situasi. Dengan yang demikian, murid-murid dapat memahami makna kata dalam pelbagai konteks. Selanjutnya, murid-murid dapat mengaitkan makna sesuatu kata dengan kata-kata sinonim lain dalam konteks yang berbeza.

Pembacaan teks-teks dalam bahasa Malaysia jug akan membantu sampel kajian memperbaiki perbendaharaan kata mereka. Ini akan memudahkan mereka memperbaiki penulisan Bahasa Malaysia tanpa gangguan bahasa ibunda. Sekolah seharusnya membekalkan dengan cukupnya bahan bacaan di perpustakaan supaya pelajar



tidak menjadikan kekurangan wang sebagai alasan untuk tidak membaca buku-buku dalam Bahasa Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran juga tidak seharusnya menjurus kearah persediaan untuk Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Kemahiran –kemahiran asas pembelajaran Bahasa Malaysia haruslah ditekankan supaya pelajar-pelajar sekolah Tamil dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik.

Sebagai simpulannya, kajian ini mendapati gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Malaysia adalah gangguan negatif, yang bermaksud bahasa ibunda pelajar mengganggu pembelajaran bahasa Malaysia dan bukan membantu mereka. Secara keseluruhan, dapatan kajian membuktikan bahawa bahasa ibunda mengganggu secara negatif hasil penulisan bahasa Malaysia pelajar Sekolah Tamil Serdang. Fenomena ini, sesungguhnya menyebabkan hasil penulisan Bahasa Malaysia pelajar sekolah Tamil Serdang tidak mencapai tahap yang dikehendaki seperti dalam sukatan pelajaran.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa ibunda banyak mempengaruhi gaya penulisan pelajar dan menunjukkn pencapaian yang lemah dalam Bahasa Malaysia pada peringkat sekolah rendah. Terdapat juga beberapa faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian yang lemah dalam penguasaan bahasa oleh para pelajar.

Antara faktor-faktor lain ialah, kurangnya pendedahan terhadap cara penggunaan bahasa yang baik, kekurangan buku teks, latar belakang penggunaan bahasa di rumah, dan kekurangan guru bertauliah. Secara keseluruhannya, pencapaian pelajar dalam bahasa Malaysia adalah lemah, dan sekiranya faktor-faktor masalah ini tidak diatasi dengan segera, ia akan menyebabkan kemerosotan secara drastik dalam piawaian pendidikan bahasa Malaysia.

Akhir kata, saya merasakan bahawa para pelajar di sekolah-sekolah venakular

akan mampu mempelajari kedua-dua bahasa ini dengan baik sekiranya pengajaran yang seimbang diberikan kepada mereka. Saya juga berharap agar kajian ini akan dapat menyumbangkan kefahaman terhadap pelajar-pelajar sekolah Tamil untuk mempelajari Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan usaha ini akan meningkatkan kefasihan mereka untuk menggunakan bahasa Malaysia sebagai persediaan awal sebelum menjejaskan kaki ke sekolah menengah yang merangkumi lebih banyak masa dalam mempelajari bahasa Malaysia.

### **Daftar Rujukan**

- Bolton, K. (1971). Approximate systems of foreign language learners. *IRAL*, 9, 115- 123.
- Kachru, B.B.(2006). *World Englishes, Critical Concepts in Linguistic*. Volume 5. London and New York: Routledge.
- Corder, P. (1971). The significance of learners' errors [C]. In J. Richards (ed.). *Error Analysis [A]*. London: Longman.
- Corder, S. P. (1971). *Idiosyncratic dialects and error analysis*. *IRAL*, 9, (2), 147-160.
- Corder, S. P. (1978). Language-learner language. In J. C. Richards (Ed), *Understanding second and foreign language learning* (pp. 71-92). Rowley, MA: Newbury House.
- Corder, S. P. (1981). *Error analysis and interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis. R (1985). *Understanding Second language Acquisition*: London, Oxford University Press.
- Ellis, R. (1996). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *Second language research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (Ed.). (2001). *Form-focused instruction and second language learning*. Malden, MA: Blackwell Publishers.

Ellis, R. (2002). The place of grammar instruction in the second/foreign language curriculum. In Hinkel, E. & S. Fotos (Eds.), *New perspectives on grammar teaching in second language classrooms*, (pp. 17-34). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.

Gass, S. & Selinker, L.(1994). *Second language acquisition: an introductory course*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Lado, R. (1957). *Linguistics across cultures*: University of Michigan Press, Ann Arbor.

Lado, R. (1964). *Language teaching: a scientific approach*. New York: McGraw-Hill. Nemser, W.